

13 JUL 2002

Aziz-Felda

ADA GOLONGAN HASUT PENDUDUK FELDA, KATA AZIZ

KUALA LUMPUR, 13 Julai (Bernama) -- Penduduk di kawasan tanah rancangan Felda hari ini diminta berwaspada terhadap kegiatan kumpulan tertentu yang menghasut supaya mereka melupakan jasa kerajaan.

Timbalan Menteri Pendidikan Datuk Abdul Aziz Shamsudin berkata walaupun bilangan kumpulan itu amat kecil tetapi jika pengaruhnya tidak dikawal, ia akan merugikan perkembangan dan kemajuan anak-anak peneroka Felda.

"Hasutan itu sendiri hanya merugikan peneroka dan masyarakat sekelilingnya," katanya selepas merasmikan Persidangan Generasi Felda Se-Malaysia di sini hari ini.

Persidangan yang bertujuan membincangkan isu berkaitan pendidikan, dihadiri lebih 1,000 anak peneroka Felda.

Abdul Aziz mengecam golongan penghasut itu kerana mereka bukan sahaja menghancurkan harapan penduduk Felda tetapi boleh menimbulkan porak-peranda dalam negara.

Sementara itu, mengenai penangguhan mesyuarat khas kabinet mengenai isu cadangan penggunaan bahasa Inggeris dalam mata pelajaran Matematik dan Sains, beliau berkata ia disebabkan oleh masalah tertentu.

"Ia ditangguhkan bukan kerana kita nak tangguh tetapi ada sebab tertentu berkaitan dengan keadaan yang terpaksa dihadapi...yang lebih mendesak," katanya.

Perkara itu akan dibincangkan semula dalam masa terdekat dan dibawa ke Kabinet, katanya semasa mengulas laporan akhbar mengenai penangguhan itu.

"Pada 16 Julai ini sepatutnya Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berbincang tentang perkara ini dan ada hal tertentu yang menyebabkan hal ini tertangguh sebentar," katanya.

Penangguhan itu juga bukan disebabkan oleh pilihan raya kecil Parlimen Pendang dan Dewan Undangan Negeri Anak Bukit pada 18 Julai ini, tambahnya.

-- BERNAMA

MUN AZZ MOZ